

Untuk Terbitan Media
9 Februari 2026

SIARAN MEDIA

HANYA 10 PERATUS INDIVIDU BEKERJA SENDIRI MENCARUM; PERKESO-MBPP JALIN KERJASAMA TANGANI JURANG PERLINDUNGAN

GEORGE TOWN: Jurang perlindungan sosial kekal meruncing apabila hanya 10 peratus atau 325,008 daripada 3.26 juta individu bekerja sendiri di Malaysia mempunyai caruman aktif LINDUNG Kendiri.

Perangkaan setakat 23 Januari lalu itu sekali gus menuntut kerjasama rentas agensi demi memastikan kelangsungan sosioekonomi golongan rentan, termasuk peniaga dan penjaja kecil yang terdedah kepada pelbagai risiko kehidupan seharian.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata statistik semasa merekodkan seramai 15,021 Orang Bekerja Sendiri (OBS) berdaftar di Pulau Pinang.

Daripada jumlah itu, katanya, sektor penjaja di Pulau Mutiara mewakili 13.17 peratus atau 5,053 OBS daripada keseluruhan penjaja yang mencarum di seluruh negara.

“Menyedari keperluan kritikal ini, PERKESO hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi memperkukuh jaringan keselamatan sosial khususnya dalam sektor penjaja dan peniaga kecil.

“Pemeteraian MoU ini diharapkan menjadi dasar sama kepada 156 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara untuk memperkasa ekonomi informal.

“Melalui sistem yang lebih tersusun, ekosistem perlindungan sosial negara mampu menjadi lebih mampan dan berdaya saing, selain memastikan golongan bekerja sendiri tidak terpinggir daripada mendapat manfaat,” katanya.

Terdahulu, majlis pemeteraian MoU berlangsung antara Dr. Mohammed Azman yang mewakili PERKESO dan Datuk Bandar MBPP, Dato' Ir. Rajendran P. Anthony, sambil disaksikan EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa Negeri Pulau Pinang, H'ng Mooi Lye dan Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO, Azirruan Arifin.

Mengulas lanjut, Dr. Mohammed Azman menyifatkan tekad MBPP sebagai cerminan sebenar bahawa keselamatan sosial merupakan tanggungjawab bersama yang menuntut penyelarasan erat antara agensi, demi kesejahteraan komuniti setempat.

Beliau berkata caruman LINDUNG Kendiri PERKESO tidak wajar dilihat sebagai kerugian atau beban kewangan, sebaliknya merupakan pelaburan keselamatan yang bakal menjadi talian hidup sekiranya ditimpa perkara tidak diingini, termasuk dalam kalangan penjaja dan peniaga kecil.

“Sepanjang tahun lalu sahaja, PERKESO menyalurkan faedah berjumlah RM31.25 juta kepada 7,693 pencarum Skim LINDUNG Kendiri di seluruh negara, termasuk 424 individu bekerja sendiri di Pulau Pinang yang menerima manfaat ini ketika ditimpa musibah,” jelasnya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
9 Februari 2026

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Ikhlil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my